

JABATAN KORPORAT

TARIKH:28.08.2024 MASA:7.36 AM

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN  
ABDUL HAMID  
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**PROGRAM SEMARAK MERDEKA MBSP 2024**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**28 OGOS 2024 (RABU)**

**9.00 PAGI**

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

*Disediakan oleh Jabatan Korporat*

*Ucapan YBhg. Datuk Bandar MBSP 2024*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan limpah kunia-Nya dapat kita berkumpul pada hari ini untuk memeriahkan Program Semarak Merdeka MBSP 2024 yang julung kali diadakan di peringkat Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
2. Setinggi-tinggi penghargaan buat warga kerja Majlis Bandaraya Seberang Perai, yang sentiasa bersedia dengan semangat kemerdekaan kerana dapat bersama-sama hadir bagi menjayakan program pada hari ini.
3. Saya juga berasa bangga dengan kehadiran masuk kanak kanak TASKA MBSP seramai 20 orang yang sama-sama mengibarkan jalur Gemilang dan diiringi dengan persembahan koir daripada 20 orang pegawai daripada jabatan BKK, Perbandaran, Kewangan, Direktorat dan Pelesenan. Syabas dan tahniah atas usaha ini.
4. Ini merupakan tahun pertama MBSP mengadakan sambutan pra kemerdekaan dengan tujuan untuk kita menghayati bulan kemerdekaan. Saya berpendapat, penghayatan MERDEKA itu bukan hanya perlu diingati semasa tanggal 31 Ogos sahaja bahkan satu peristiwa bersejarah yang perlu kita ingati sepanjang masa. Jika

sambutan awal kemerdekaan tidak dilaksanakan di peringkat awal bagaimana kita ingin mendidik anak-anak zaman sekarang erti sebuah kemerdekaan.

5. Negara kita, Malaysia, telah teguh berdiri sebagai sebuah negara berdaulat selama 67 tahun lamanya. Kejayaan demi kejayaan telah kita kecapai sejak tahun 1957 hingga kini.
6. Tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini adalah ***Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka***. *Malaysia MADANI* membawa maksud tunjang kemakmuran dan kemajuan negara melalui dukungan enam nilai teras utama; iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan. Manakala perkataan *Jiwa Merdeka* pula menzahirkan kebebasan rakyat daripada sebarang elemen negatif dalam menginterpretasikan semangat patriotik melalui aspek pemikiran, integrasi sosial dan ekonomi, seterusnya membentuk kesatuan rakyat yang kukuh, harmoni dan progresif.
7. Gabungan dua terma ini menyerlahkan cita-cita untuk membina sebuah Malaysia yang berdaya maju, adil dan sejahtera di samping mengekalkan nilai-nilai asas kemerdekaan dan kebebasan. Ini juga menggariskan komitmen Kerajaan untuk memperkukuhkan perpaduan nasional di antara pelbagai lapisan masyarakat, etnik dan agama dalam mencapai pembangunan dan kemakmuran yang berkekalan.

8. Tidak lengkap sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia yang kita raikan saban tahun tanpa kibaran Jalur Gemilang. Tradisi mengibarkan Jalur Gemilang ini perlu diteruskan dan diwarisi oleh generasi seterusnya kerana ia adalah simbol kekuatan dan perpaduan rakyat Malaysia yang perlu kita pelihara sebaiknya.
9. Program Semarak Merdeka MBSP 2024 yang kita adakan pada hari ini adalah untuk menaikkan semangat dan jiwa merdeka di kalangan warga kerja MBSP, di samping menghidupkan semula semangat patriotisme dan mengukuhkan tekad kita dalam mempertahankan kemerdekaan negara. Kita hendaklah menghayati hari kebangsaan ini dalam setiap detik kita sebagai seorang rakyat Malaysia. Bulan Ogos merupakan satu bulan simboliknya menjadi bulan yang paling meriah untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti perpaduan.
10. Tahniah kepada Jabatan Perhubungan Komuniti kerana berjaya mengadakan Program Semarak Merdeka MBSP buat pertama kali.
11. Dengan semangat berikrar sebentar tadi, saya yakin saya bersama semua warga kerja MBSP akan dapat melaksanakan tugas dengan sebaiknya untuk kemakmuran dan keharmonian penduduk Seberang Perai.
12. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, izinkan saya menyampaikan sebuah sajak erti kemerdekaan buat semua.

## Sajak Kemerdekaan

Di sini kami berbangga, penuh bangga,

Di tanah air tercinta, pelbagai budaya,

Bersatu padu, semangat merdeka,

Di bawah satu panji, Jalur Gemilang.

Kami berikrar, setia dan gemilang,

Tiada lagi perpecahan, tiada lagi duka,

Bersama-sama menuju masa depan bahagia

Rakyat Bersatu, hati teguh

Malaysia maju, ke hadapan melangkah

Jiwa merdeka, semangat membara

Negara tercinta, sentiasa terpelihara

Malaysia madani, lambang kemajuan

Bersama-sama kita teguhkan perpaduan,

Di sini bermula cinta dan cita

Untuk Malaysia, kita berbakti sepenuh jiwa.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***